

# MANIFESTASI NILAI *SETIA* BERASASKAN TEORI HIBRID

*Hishamudin Isam  
Norsimah Mat Awal*

## Abstrak

Kajian makna bagi sesuatu nilai ialah sesuatu yang menarik untuk diteroka, lebih-lebih lagi dengan kemunculan pelbagai teori baru berkenaan dengan pengkajian makna yang boleh dieksplorasi dan diterapkan ke dalam kajian makna sesuatu nilai. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memperincikan makna nilai yang diteliti daripada kepelbagaiannya penggunaan kata nilai berpandukan Teori Hibrid (Tendahl, 2006). Nilai yang dijadikan subjek kajian ialah nilai **setia** yang ditelusuri dari subkorpus data akhbar. Setiap kata akan diteliti maknanya berdasarkan Teori Hibrid bagi menjelaskan proses pemetaan domain dan membuat kesimpulan secara pragmatik. Dapatkan awal mendapati bahawa **setia** bukan sekadar nilai semata-mata (makna pinggiran ketiga), malah lebih daripada itu, **setia** dimanifestasikan sebagai suatu sifat (makna teras), dan empat makna pinggiran lain.


## Abstract

*A study on the meaning of a particular value is an interesting area to explore, more so with the emergent of new theory that can be applied in the semantic analysis of certain values. Therefore, this research attempts to explain the meaning of a particular value by analyzing its various usages from the Hybrid Theory (Tendahl, 2006) perspective. The value chosen for analysis is **setia** (its English equivalent: loyalty) and the data are gathered from newspaper sub-corpus. Every usage of **setia** will be analyzed based on Hybrid Theory to explain the process of domain mapping, and pragmatic-based conclusion. Preliminary*

*findings showed that setia/loyalty is not just another value (peripheral meaning no. 3), but more than that, setia/loyalty is manifested as an attribute or characteristic (core meaning) with three other peripheral meanings.*

## PENGENALAN

Nilai ialah sesuatu yang tinggi dan berharga. Sesuatu hal atau sifat yang dikatakan bernilai itu pastinya mempunyai kualiti yang menjanjikan sesuatu yang berguna, berfaedah dan boleh memuaskan hati setiap individu dan masyarakat. Ramai sarjana telah memperkatakan definisi dan konsep nilai seperti Belshaw (1959), Scott (1965) Rokeach (1970), Ismail Hamid (1988), dan Othman Puteh (1996). Rokeach (1970) misalnya, mentakrifkan nilai sebagai suatu jenis kepercayaan tentang bagaimana seseorang sepatutnya atau tidak sepatutnya melakukan sesuatu perkara. Keadaan ini menunjukkan bahawa sesuatu nilai mempunyai sistem yang disusun mengikut kepentingan tiap-tiap nilai yang dipilih oleh individu tertentu. Selepas sesuatu nilai dipelajari, ia menjadi sebatи dalam diri dan seterusnya membentuk sistem nilai yang disusun mengikut keutamaan.



Rajah 1 Hubungan nilai, norma, kepercayaan dan sikap.

Rajah 1 di atas menunjukkan perkaitan yang erat di antara nilai, norma, kepercayaan dan sikap. Keempat-empat komponen tersebut saling melengkapi dan bertindak mengukuhkan pertalian di antara satu komponen dengan komponen yang lain. Atas dasar hal ini juga, nilai boleh diberi penilaian dalam bentuk kenyataan seperti betul, salah atau memuaskan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN NILAI**

Kajian nilai merupakan antara kajian yang popular dalam bidang sosiologi dan antropologi. Kajian ini juga sering dibincangkan dalam bidang-bidang lain seperti bidang pendidikan, komunikasi, bahasa, budaya dan kesusasteraan. Antara objektif yang kerap menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji nilai ialah kajian mengenai penyenaraian contoh nilai (sama ada yang negatif ataupun yang positif), kajian berkenaan dengan strategi dan pelaksanaan nilai, serta kajian mengenai kesan-kesan nilai terhadap masyarakat.

Kajian oleh Ahmad Jaffni H. M Hassan (1987), Nolen (1988), Juriah Long (1988), Pintrich dan DeGroot (1990), Lipstein (1992), Zimmerman dan Risemberg (1997), Mhd. Amin Arshad (2001), Abdul Halim Ali (2003), Haron Mat Piah (2003), Omar Md. Hashim (2003), Yaacob Harun (2003), Zakaria Kasa (2004), A.Rahim Abdullah (2005), dan Kamariah Kamarudin (2006) merupakan antara contoh kajian yang berlegar-legar kepada persoalan yang diperkatakan di atas. Memberikan fokus kepada perkara-perkara seperti ini sememangnya wajar, namun, wajar juga sekiranya kajian berkenaan dengan nilai turut meneliti persoalan-persoalan dari perspektif yang lebih luas.

Terdapat beberapa masalah sekiranya kajian nilai asyik berlingkar kepada persoalan yang hampir sama. Pertama, kajian nilai menjadi tidak berkembang. Ini menjadikan kajian nilai seolah-olah statik dan kaku. Kedua, hasil dapatan bagi kajian nilai juga seolah-olah ditakuk lama. Misalnya dalam kajian penyenaraian contoh, kaedah pengklasifikasi dibuat tanpa melibatkan kaedah dan disokong oleh teori yang kukuh. Ini menyebabkan hasil dapatan bagi kajian penyenaraian contoh tersebut hampir sama bagi kebanyakan kajian.

## **KAJIAN NILAI RANGKA LINGUISTIK**

Kajian nilai dewasa ini, sewajarnya diteliti dari perspektif yang lebih luas. Persoalan dari rangka linguistik misalnya, sangat menarik untuk diteroka, khususnya kajian berkenaan dengan pemaknaan sesuatu nilai. Walaupun sudah terdapat kajian dalam bidang linguistik yang membincangkan aspek pemaknaan sesuatu nilai, masih terdapat beberapa lompong yang boleh diisi dalam kajian-kajian tersebut.

Lompong paling ketara ialah berkaitan dengan kaedah menganalisis makna sesuatu nilai. Antara kaedah yang pernah digunakan ialah kaedah memahami, dan membentuk konsep sesuatu nilai berasaskan peristiwa.

## HISHAMUDIN ISAM DAN NORSIMAH MAT AWAL

Kajian Chandra Muzaffar (1992) misalnya, walaupun bukan kajian tulen dalam bidang linguistik, tetapi boleh dikatakan sebagai kajian yang berbaur linguistik. Ini kerana kajian beliau secara tidak langsung menggunakan keupayaan kognisi untuk membentuk konsep makna nilai **setia** berdasarkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Walau bagaimanapun, diyakini bahawa bukan semua konsep nilai boleh dibentuk berdasarkan peristiwa, kerana terdapat beberapa keraguan yang boleh ditimbulkan; misalnya berkenaan dengan unsur bias dalam penulisan sesuatu peristiwa yang dikaji.

Kajian Rozaimah Rashidin (2006) pula, walaupun masih menggunakan peristiwa sebagai dasar dalam kajiannya, beliau telah memperkemasnya dengan menggunakan teori semantik kognitif dalam menentukan kaedah pengkategorian. Kajian yang sangat menarik dalam mengupas isu rasuah ini, diperkuuh dengan pemahaman skema imej yang membantu menghurai makna rasuah dengan lebih jelas dan empirikal. Walau bagaimanapun, masih terdapat lompong yang kelihatan, iaitu kajian ini bergantung pada tipologi dalam menentukan pengelasan kategori, hingga timbul persoalan bagaimana sekiranya sesuatu nilai itu, belum ada atau tidak ada tipologi yang dikemukakan oleh pengkaji yang berwibawa.

Menyedari kekurangan serta lompong yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, maka sewajarnya dan difikirkan perlu diadakan satu kajian dalam bidang linguistik, khususnya dalam disiplin pragmatik kognitif yang dapat membincangkan persoalan yang berkaitan dengan makna sesuatu nilai dengan menggunakan kaedah yang boleh diyakini, berdasarkan teori yang berwibawa, dan data yang autentik. Umumnya, kajian ini akan berfokus kepada proses menganalisis makna perkataan berdasarkan pendekatan Teori Hibrid (TH) yang diperkenalkan dalam bidang pragmatik kognitif, yang dapat membentuk konsep sesuatu nilai yang dikaji. Akhirnya, kajian ini bukan sahaja diharap dapat meneliti manifestasi sesuatu nilai yang dikaji, malah berupaya membentuk konsep berdasarkan penelitian makna perkataan. Nilai yang akan dibincangkan ialah nilai **setia**, dan sumber utama data kajian ini adalah daripada Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dihimpunkan di bawah subkorpus akhbar *Berita Harian*.

## TEORI HIBRID

Kajian ini akan menggunakan TH untuk membincangkan makna dan konsep nilai **setia**. TH diperkenalkan oleh Markus Tendahl (2006) dalam

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

kajian Doktor Falsafahnya yang bertajuk *A Hybrid Theory of Metaphor: Relevance Theory and Cognitive Linguistics*. Teori yang diletakkan di bawah bidang Pragmatik Kognitif ini membawa gagasan bahawa sesuatu proses dalaman kognisi, seharusnya melibatkan dua proses yang besar, iaitu proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik. Hal ini kerana, kacukan kedua-dua proses ini akan menghasilkan pemahaman yang lebih unik dan mantap berkenaan dengan makna sesuatu kata yang didasari oleh pemahaman kognisi, terutamanya pemahaman makna bagi kata-kata yang bersifat kreatif seperti metafora.

TH diperkuuh melalui kajian yang dijalankan oleh Coulson (2001) dalam mengukur potensi otak. Kajian tersebut telah membuktikan bahawa otak mampu merangsang keupayaan mental untuk menjalankan operasi paduan. Oleh itu, pemahaman mengenai sesuatu konsep kata seharusnya berjalan seiring (pada masa yang sama) kerana otak manusia bukan sahaja mampu mentafsir makna dalam pemetaan domain, malah pada masa yang sama mampu menghurai dan membuat kesimpulan secara pragmatik.

Ringkasnya, TH mengasaskan penggabungan pendekatan semantik kognitif dan teori relevan, dengan mengambil kelebihan-kelebihan daripada setiap pendekatan untuk diintegrasikan. Pemetaan domain melalui pendekatan semantik kognitif diperjelas untuk memahami konsep sesuatu kata, sementara proses membuat kesimpulan secara pragmatik diperlukan untuk menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan dengan konteks dan kesan konteks, bagi menentukan unsur kerelevanan. Akhirnya pemerhatian, penghuraian dan penjelasan sesuatu fenomena mengenai pemahaman makna dan konsep sesuatu kata dapat difahami melalui konsep *ad hoc* dan konsep leksikal dalam rantau konsepsi.

## DATA BERAUTENTIK

Kajian ini akan menggunakan data korpus daripada Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah subkorpus akhbar sebagai bahan kajian. Data yang akan dijadikan subjek kajian ialah perkataan **setia**, yang dihimpun di bawah subkorpus akhbar *Berita Harian*.

Data korpus ialah koleksi data linguistik, sama ada teks bertulis atau transkripsi ucapan yang dirakam (Hasmidar Hassan, 2006). Ia digunakan untuk memberikan penjelasan awal dalam ilmu linguistik atau sebagai satu cara untuk mengesahkan hipotesis tentang bahasa. Data korpus adalah penting, sejajar dengan kepentingan data yang empiris. Ia membolehkan seseorang pengkaji bahasa membuat kenyataan yang objektif atau

## HISHAMUDIN ISAM DAN NORSIMAH MAT AWAL

berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa dengan dibuktikan oleh data yang empirikal. Data ini juga boleh dianggap sebagai data sahih dan bukan data yang direka-reka untuk memenuhi keperluan kajian (Azhar M. Simin, 1993).

Pemilihan perkataan **setia** sebagai subjek kajian kerana setia merupakan nilai terpenting untuk menjelaskan hubungan antara manusia dengan Penciptanya, dan hubungan manusia sesama manusia. (Muhamad Idris Abdul Rauf, t.th). Peristiwa berkaitan dengan nilai **setia** (waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun) pula merupakan peristiwa penting dalam kebudayaan orang Melayu yang bukan sahaja dapat menjelaskan konsep kesetiaan sebenar dalam dunia Melayu, malah telah menyebabkan wujudnya undang-undang tidak bertulis yang memperkenalkan konsep daulat dan derhaka (Yusoff Iskandar, dan Abd. Rahman Kaeh, 1981). Kepentingan nilai **setia** telah meletakkan nilai ini di kedudukan kedua dalam prinsip rukun negara Malaysia selepas nilai kepercayaan kepada Tuhan. Nilai kesetiaan kepada raja dan negara (raja berperlembagaan dan kerajaan) sangat penting kerana raja dan kerajaan menjadi tempat naungan rakyat jelata (Penerbitan Asa, 1985).

Pemilihan subkorpus akhbar dianggap penting dalam kajian ini kerana akhbar melaporkan dan merakamkan peristiwa-peristiwa penting melalui penggunaan bahasa. Akhbar juga berperanan mengubah, mencipta, dan menyebarkan pengaruh bagi kehidupan masyarakat (Bennet, 1992). Pemilihan akhbar *Berita Harian* dibuat berdasarkan rating tertinggi jumlah pembaca dan jumlah edaran seperti yang dilaporkan oleh *Audit Bureau of Circulations* (2007).

Daripada jumlah komposisi subkorpus data akhbar, didapati bahawa terdapat sebanyak 2001 perkataan **setia** digunakan dalam akhbar *Berita Harian*. Kajian awal menunjukkan kepelbagaiannya penggunaan perkataan **setia** yang berkolokasi dengan perkataan-perkataan lain, dapat memperkenalkan bentuk manifestasi nilai ini berdasarkan konteks yang mampu diuji dalam proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik. Dengan perkadarannya data yang sedemikian, maka kajian tatabahasa yang melibatkan penelitian makna perkataan **setia** yang dilakukan terhadap korpus nahu praktis bahasa Melayu subkorpus akhbar bolehlah dianggap sebagai mencerminkan fenomena bahasa Melayu secara keseluruhan.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis ini akan dijalankan dalam tiga (3) tahap yang berbeza, iaitu analisis

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

untuk proses pemetaan domain dalam semantik kognitif, analisis untuk proses membuat kesimpulan secara pragmatik (teori relevan) dan analisis TH (mengacukkan proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik) untuk memperlihatkan makna sebenar nilai **setia**.

### Proses Pemetaan Domain

Proses pemetaan domain dimulakan dengan mengklasifikasikan penggunaan makna teras dan makna pinggiran perkataan **setia**. Klasifikasi ini boleh digambarkan seperti yang berikut:

**Jadual 1** Makna teras dan makna pinggiran perkataan **setia**.

Makna Teras	Makna Pinggiran
Sifat Contoh: i. Kelompok pelampau atau peminat ***setia*** kelab itu, kemudian ... BHJ898. ii. Hanya kemenangan Sabtu lalu menceriakan semula penyokong ***setia*** skuad Bujang Senang dan mereka menuntut pencapaian ... BHJ885. iii. Apa gunanya jerit-pekit dan sorakan penyokong ***setia*** yang sanggup datang berbondong-bondong ... BHJ823. <ul style="list-style-type: none"><li>• Ranah sifat</li><li>• Entiti konkret</li><li>• 3-dimensi</li></ul> iv. "Saya selalu fikir ***setia*** dan percaya mereka menjual saya kerana saya menghadapi masalah. BHA815 v. Beliau berkata sikap, sifat dan ketramplinan ibu dan isteri yang cemerlang, antaranya	1. Ukuran a. Masa Contoh: i. Kepada penyokong beliau yang masih ***setia*** tetapi sayang untuk melepaskan jawatan dalam Umno dan kerajaan, ... BHI885 ii. Ditanya sama ada beliau bercadang meninggalkan Umno untuk menyertai parti lain, Anwar berkata, beliau akan tetap ***setia*** kepada Umno dan tidak akan berbuat demikian. BHI859 iii. ... walaupun ia tetap mempunyai peminat tempatan yang sentiasa ***setia***. BHH822 <ul style="list-style-type: none"><li>• Ranah ukuran</li><li>• Entiti abstrak</li></ul> b. Konsep Contoh: i. ... untuk mengetahui mengapa orang Melayu taat ***setia*** kepada raja mereka. BHJ866

*sambungan Jadual 1*

Makna Teras	Makna Pinggiran
perlu ... bertenaga, mesra, jujur, mempunyai harga diri, kemas, anggun, bijaksana, pengasih, ***setia***, bermotivasi tinggi, optimistik dan berpandukan iman serta takwa. BHW691	ii. Pada zaman Empayar Rom, pertukaran cincin melambangkan ikrar taat ***setia*** antara dua insan berlainan jantina. HMJ856
vi. ... ia dapat mewujudkan perasaan ***setia*** kepada universiti masing-masing dan selanjutnya memberi kesempatan kepada pekerja institusi pengajian tinggi bergaul dan berkenal-kenalan. BHDBP5	iii. Ia turut menekankan sikap ***setia*** rakyat kepada pemerintah selagi tidak disuruh melakukan maksiat. BHI857  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ranah ukuran</li> <li>• Entiti abstrak</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ranah sifat</li> <li>• Entiti abstrak</li> <li>• 2-dimensi</li> </ul>	
	<p>2. Tahap</p> <p>a. Sifat</p> <p>Contoh:</p> <p>i. ... kita adalah warga negara Malaysia yang ***setia*** dan mencintai negara ini. BHJ827</p> <p>ii. Sambil mengatakan beliau memahami keadaan Dr Wan Azizah yang ***setia*** kepada suami, Dr Mahathir berkata, ... BHI886</p> <p>iii. Layakkah beliau mengorak langkah utama menderetkan rakan-rakan yang ***setia*** padanya untuk memperjuangkan sesuatu ... BHI881</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ranah tahap bagi sifat</li> <li>• Entiti abstrak</li> </ul>



## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

### *sambungan Jadual 1*

<b>Makna Teras</b>	<b>Makna Pinggiran</b>
<p>b. Darjah Kesangatan Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Malah, PBNJ masih menunggu penuh ***setia*** terhadap sebarang perubahan ... BHJ895</li> <li>ii. Dia terlalu ***setia*** dan berhajat hendak meminang saya dan saya dalam dilema. BHI839</li> <li>iii. Saya tidak nafikan ada insan yang begitu ***setia*** menanti saya. BHI839</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ranah tahap darjah kesangatan</li> <li>• Entiti abstrak</li> </ul>
<p>3. Nilaian Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mungkin ada pihak yang taat ***setia*** tidak berbelah bahagi, mati-matian tidak akan percaya ... BHI881</li> <li>ii. Suwono Kartasasmita, seorang yang setia kepada Suharto, dalam nada yang seakan-akan cercaan terhadap mereka yang tidak ***setia*** (kepada Suharto) berkata, ... BHG835</li> <li>iii. Juara diangkat ke filem dengan judul Jogho oleh U-Wei Shaari itu, disifatkan bukan saja ***setia*** kepada teks asalnya, ... BHE879</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ranah nilai</li> <li>• Entiti abstrak</li> </ul>

*sambungan Jadual 1*

Makna Teras	Makna Pinggiran
	<p>4. Perbuatan Contoh:</p> <p>i. ... jika komitmen dan sumpah ***setia*** kepada perjuangan parti tidak diterjemahkan ... (BHE886)</p> <p>ii. Selepas penyerahan warkah sumpah ***setia*** yang dibacakan tadi oleh Pengerusi Kongres ... (BHE884)</p> <p>iii. Semuanya berlaku atas janji ***setia*** yang cukup lama termeteri (BMU451)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ranah perbuatan</li><li>• Entiti konkrit</li></ul>
	<p>5. Unsur penerang Contoh:</p> <p>i. Karya lukisan misalnya, sudah sekian lama menjadi perakam sejarah yang ***setia***. BHA811</p> <p>ii. ... datanglah ke hadapan bersama kebebasan langkahkan kaki dengan semangat perjuangan, nyanyikan wajah kita yang ***setia*** leluhur tanah pusaka bangsa. BHDPB2</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ranah unsur penerang</li><li>• Entiti abstrak</li></ul>

### **Makna Teras Kata Setia**

Bersandarkan contoh-contoh daripada data korpus *Berita Harian* yang dipaparkan, hasil analisis menunjukkan bahawa makna teras **setia** dapat

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

dimanifestasikan sebagai suatu sifat yang mendasari perilaku dan sikap seseorang. Hal ini bertepatan dengan maksud **setia** dalam *Kamus Dewan* (2005) kerana kedua-dua makna yang digariskan mewakili suatu sifat. Sifat tersebut pula digambarkan sebagai satu yang berkolokasi dengan entiti yang konkret kerana ia dihubungkan dengan pelaku sebagaimana yang terdapat dalam tiga (3) contoh yang berikut:

- i. Kelompok pelampau atau peminat \*\*\*setia\*\*\* kelab itu, kemudian ... BHJ898.
- ii. Hanya kemenangan Sabtu lalu menceriakan semula penyokong \*\*\*setia\*\*\* skuad Bujang Senang dan mereka menuntut pencapaian ... BHJ885.
- iii. Apa gunanya jerit-pekip dan sorakan penyokong \*\*\*setia\*\*\* yang sanggup datang berbondong-bondong ... BHJ823.

*peminat* dan *penyokong* (seperti yang terdapat dalam contoh) merupakan entiti yang konkret kerana merujuk kepada pelaku yang menyebabkan wujudnya/terjadinya sesuatu. Pelaku yang **setia** (*peminat* dan *penyokong*) tentunya akan menzahirkan kelakuan-kelakuan yang menggambarkan sifat kesetiaan.

Perkataan **setia** bukan sahaja berkolokasi dengan suatu entiti yang bersifat konkret, tetapi terdapat juga penggunaan perkataan **setia** yang berkolokasi dengan entiti yang bersifat abstrak, sebagaimana yang terdapat dalam dua (2) contoh yang berikut:

- i. "Saya selalu fikir \*\*\*setia\*\*\* dan percaya mereka menjual saya kerana ... BHA815
- ii. ... ia dapat mewujudkan perasaan \*\*\*setia\*\*\* kepada universiti masing-masing ... BHDBP5.

Kedua-dua contoh menunjukkan perkataan **setia** berkolokasi dengan sesuatu yang bersifat abstrak, iaitu fikir dan perasaan.

### **Makna Pinggiran Kata Setia**

Dapatan daripada analisis subkorpus data *Berita Harian* menunjukkan bahawa makna pinggiran kata **setia** dapat diklasifikasikan kepada lima (5) kelompok utama, iaitu suatu tahap (yang dapat menerangkan sesuatu sifat dan darjah kesanggatan), ukuran (untuk menerangkan sesuatu konsep dan masa), nilaiann, perbuatan, dan sebagai unsur penerang kepada

## HISHAMUDIN ISAM DAN NORSIMAH MAT AWAL

sesuatu metafora. Untuk kertas kerja ini, hanya tiga makna pinggiran akan diuraikan, iaitu setia yang menjelaskan suatu tahap, ukuran, dan nilaiannya.

Makna pinggiran pertama ialah ukuran. Contoh-contoh berdasarkan data menunjukkan, **setia** dijadikan alat untuk mengukur sesuatu yang digunakan sebagai bandingan kepada suatu pegangan atau nilaiannya setelah berkolokasi dengan perkataan-perkataan yang merujuk kepada masa dan sesuatu konsep. Misalnya dalam contoh ... penyokong beliau yang masih \*\*\*setia\*\*\* tetapi sayang untuk melepaskan jawatan dalam Umno dan kerajaan, ... (BHI885) menunjukkan bahawa konsep **setia** dijadikan alat untuk mengukur masa / tempoh kesetiaan dengan menggunakan perkataan *masih*. Begitu juga dalam contoh ... untuk mengetahui mengapa orang Melayu taat \*\*\*setia\*\*\* kepada raja mereka (BHJ866) menunjukkan konsep untuk menunjukkan ukuran kesetiaan kepada seseorang.

Makna pinggiran kedua pula ialah tahap, iaitu merujuk kepada peringkat atau strata tingkat kesetiaan. **Setia** boleh dimanifestasikan sebagai suatu tahap setelah berkolokasi dengan perkataan yang dapat menerangkan unsur tahap / peringkat, iaitu perkataan *yang*. Contohnya dalam ... kita adalah warga negara Malaysia yang \*\*\*setia\*\*\* dan mencintai negara ini (BHJ827) menjelaskan tahap yang menunjukkan sifat kesetiaan bagi seseorang warganegara. Manakala dalam contoh ... Dia terlalu \*\*\*setia\*\*\* dan berhajat hendak meminang saya dan saya dalam dilema (BHI839) menunjukkan tahap kesetiaan yang ditonjolkan dalam bentuk darjah kesangatan apabila menggunakan perkataan *terlalu*.


Makna pinggiran ketiga ialah nilaiannya yang dirujuk sebagai darjat, kualiti, mutu, dan taraf. Sesuatu yang bersifat nilaiannya boleh ditentukan nilainya melalui taksiran. Contoh daripada subkorpus data *Berita Harian* juga menunjukkan bahawa nilaiannya dapat diteliti dari dua sudut, iaitu dari sudut positif ataupun sudut negatif. Penentuan nilaiannya sama ada yang bersifat positif ataupun yang negatif banyak dipengaruhi oleh pengalaman seseorang dalam kehidupan. Sesuatu yang tidak **setia**, beralih **setia** atau keterlaluan dalam **setia** sering dianggap negatif, sementara sesuatu yang tetap dalam kesetiaan, teguh dalam kesetiaan sering dianggap positif. Bukti data menunjukkan bahawa **setia** lebih banyak dinilai dalam bentuk yang positif. Jadual yang berikut menunjukkan contoh yang berkaitan dengan makna pinggiran nilaiannya serta nilainya.

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

**Jadual 2** Nilaian bagi kata **setia** dalam *Berita Harian*.

Contoh	Nilai
Mungkin ada pihak yang taat ***setia*** tidak berbelah bahagi, mati-matian tidak akan percaya ... BHI881	Positif
Suwono Kartasasmitta, seorang yang setia kepada Suharto, dalam nada yang seakan-akan cercaan terhadap mereka yang tidak ***setia*** (kepada Suharto) berkata, ... BHG835	Negatif
Juara diangkat ke filem dengan judul Jogho oleh U-Wei Shaari itu, disifatkan bukan saja ***setia*** kepada teks asalnya, ... BHE879	Positif
... dan perlu diamalkan dengan ***setia*** oleh semua warga korporat di negara ini. BHF827	Positif

Makna teras dan makna pinggiran berkenaan dengan manifestasi nilai **setia** hasil daripada analisis subkorpus data akhbar *Berita Harian* dapat disimpulkan dengan menggunakan rajah di bawah:



**Rajah 2** Struktur dalaman dan manifestasi makna perkataan **setia** subkorpus *Berita Harian*.

## Proses Membuat Kesimpulan Secara Pragmatik – Teori Relevans

Pengkonsepsian makna **setia** kepada makna teras dan makna pinggiran dapat juga dihuraikan dengan membuat kesimpulan secara pragmatik dari sudut keupayaan makna-makna tersebut yang menerangkan konsep **setia**. Sifat **setia** ialah sifat yang memerlukan penghayatan yang tinggi. Oleh itu, sifat ini boleh ditentukan tahapnya, diukur, dan dinilai secara logik. Dalam hal ini, oleh sebab data yang dianalisis merupakan data korpus daripada akhbar Melayu, ia sedikit banyak memperlihatkan pembudayaan dan pemikiran orang Melayu terhadap nilai **setia**. Orang yang **setia** dianggap orang yang berbudi, dan budi ialah sifat unggul orang Melayu yang dipancarkan melalui akal budi dan budi pekerti (Lim Kim Hui, 2003).

Dari sudut pandangan Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986a), makna teras **setia** yang dikategorikan berdasarkan entiti konkrit dan abstrak dapat dihuraikan tahap kerelevannya. Secara asasnya, maklumat konsep yang tersimpan di dalam memori seseorang penutur dan pendengar tentang leksikal **setia** sememangnya suatu konsep yang bersifat abstrak. Walau bagaimanapun, bukti korpus menunjukkan bahawa makna teras **setia** lebih banyak bersifat konkrit. Perbezaan entiti konkrit dan abstrak dapat dilihat melalui kolokasi perkataan yang hadir sama ada sebelum mahupun selepas kata **setia** digunakan.

Berdasarkan konsep leksikal **setia**, sudah tercatat di dalam ensiklopedia seseorang individu bahawa leksikal tersebut merupakan suatu entiti yang bersifat abstrak. Misalnya, kehadiran leksikal *penyokong* yang berkolokasi dengan kata **setia** dalam contoh "... menceriakan semula penyokong \*\*\*setia\*\*\* skuad Bujang Senang ..." (BHJ885) sebenarnya telah membentuk konteks yang jelas semasa ujaran ini dikomunikasikan dengan menginterpretasikan leksikal **setia** sebagai entiti yang bersifat konkrit. Ini kerana leksikal **setia** tersebut merujuk kepada leksikal *penyokong*. Berdasarkan latar belakang andaian, leksikal *penyokong* membawa maksud orang yang menyokong, dan hal ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan suatu entiti yang bersifat konkrit semasa ujaran ini diproses. Jadi, kehadiran leksikal *penyokong* yang berkolokasi dengan perkataan **setia** yang membentuk frasa \*\*\* penyokong setia\*\*\* telah meningkatkan kesan kognitif pendengar melalui rujukan kata **setia** kepada *penyokong*. Peningkatan kesan kognitif telah menjimatkan usaha memproses maklumat semasa ujaran itu ditafsir. Usaha memproses maklumat yang rendah dan kesan kognitif yang tinggi telah menjadikan ujaran itu mencapai tahap relevan yang optimum sekali gus dapat diinterpretasikan sebagai entiti konkrit.

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

Satu lagi yang menarik untuk diteliti berdasarkan teori Relevan dalam proses membuat kesimpulan secara pragmatik ialah yang berkaitan dengan petunjuk (klu) yang dapat membuktikan unsur kerelevan data yang dikaji. Petunjuk yang terdapat dalam contoh-contoh ayat yang dipetik daripada data korpus dapat membantu pengkaji memproses makna sebagaimana yang disarankan dalam teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986b). Ketiga-tiga contoh di bawah misalnya memperlihatkan petunjuk-petunjuk yang mempermudah pemahaman makna **setia** yang dimanifestasikan sebagai suatu perbuatan, seterusnya meningkatkan kesan konteks.

- i. ... jika komitmen dan sumpah \*\*\*setia\*\*\* kepada perjuangan parti tidak diterjemahkan ... (BHE886)
- ii. Selepas penyerahan warkah sumpah \*\*\*setia\*\*\* yang dibacakan tadi oleh Pengerusi Kongres ... (BHE884)
- iii. Semuanya berlaku atas janji \*\*\*setia\*\*\* yang cukup lama termeterai (BMU451)

Dalam contoh i dan ii, perkataan *sumpah* yang dianggap sebagai petunjuk kepada makna perbuatan merujuk kepada perbuatan yang dimulakan dengan perlakuan. Perlakuan sumpah tersebut pula mesti ditujukan kepada sesuatu yang lain sebagai pengikat sumpah tersebut, seperti kepada orang, organisasi, atau negara. Contoh iii pula memperlihatkan perkataan *janji* yang menjadi petunjuk kepada makna perbuatan **setia**. Ketiga-tiga contoh ini memperlihatkan konteks yang jelas hingga meningkatkan kesan konteks. Hasilnya, usaha memproses menjadi rendah dan akhirnya ujaran tersebut boleh dianggap relevan. Hal ini kerana dalam teori Relevan, relevan yang optimum yang dibekalkan oleh penutur akan mampu menarik perhatian pendengar kerana sesungguhnya pendengar hanya menumpukan perhatian kepada ujaran relevan yang optimum sahaja.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa manifestasi nilai **setia** berdasarkan makna teras dan makna pinggiran dapat diuji kerelevannya. Konteks yang jelas, dapat membantu meningkatkan kesan konteks, hingga akhirnya usaha memproses menjadi rendah, untuk membuktikan bahawa sesuatu ujaran tersebut benar-benar relevan.

### **Manifestasi Makna Setia Berdasarkan Teori Hibrid**

Berdasarkan pemahaman nilai **setia** melalui proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik, maka nilai **setia** dapat difahami

## HISHAMUDIN ISAM DAN NORSIMAH MAT AWAL

dengan lebih sistematik dan tersusun. Hal ini kerana, slot-slot kosong yang tersedia dalam rantau konsepsi telah pun dipenuhi oleh pelbagai maklumat yang dapat membantu membentuk konsep ad hoc dan konsep leksikal.

Antara elemen yang telah menjadi penghubung, dan mengisi slot-slot kosong dalam rantau konsepsi makna **setia** ialah pengetahuan sedia ada dalam pemikiran seseorang berkenaan dengan makna **setia** itu sendiri. Makna yang paling hampir bagi setiap orang berkenaan dengan makna **setia** itulah yang mendasari makna dalam pengetahuan sedia ada mereka. Dalam hal ini, andaian yang sering kali digambarkan berkenaan dengan makna **setia** ialah sebagai suatu nilai. Sama ada nilai yang ditonjolkan, atau digambarkan itu bersifat positif atau negatif, sangat bergantung pada perilaku seseorang individu dan situasi yang melatari keadaannya. Pengetahuan sedia ada dalam pemikiran seseorang individu akan berkembang dengan pengisian slot kosong seterusnya. Penutur atau pendengar sedaya upaya akan cuba untuk mengisi slot kosong dengan menambah pengetahuan sedia ada tentang makna sesuatu perkara dengan pengetahuan luar yang lain. Makna **setia** misalnya boleh dirujuk dalam bahan-bahan bacaan umum dan khusus seperti kamus, ensiklopedia, buku, dan artikel jurnal, untuk meneliti maknanya. Hal ini akan memperkukuh pemahaman seseorang individu tentang makna yang cuba difahaminya.

Satu lagi pengisian dalam slot kosong yang menarik untuk difahami dalam memperincikan makna **setia** ialah peluasan makna **setia** yang dicernakan dalam bentuk manifestasi, sebagaimana yang diterangkan dalam model kerangka jaringan radial. Jika dalam pengetahuan sedia ada dan pengetahuan luar bersifat bebas konteks, manifestasi makna **setia** yang dikesan melalui konteks memberikan gambaran yang sangat menarik untuk dibahaskan. Pemahaman sesuatu makna perkataan berdasarkan konteks membantu seseorang individu memperoleh pemahaman makna yang lebih kukuh dan empirik. Pemerihalan berdasarkan konteks dapat dibantu melalui penggunaan data yang bersifat autentik, iaitu data korpus. Hasilnya, seperti yang telah digambarkan dalam model kerangka jaringan radial bagi data *Berita Harian* menunjukkan bahawa **setia** bukan sekadar suatu sifat semata-mata (yang dianggap sebagai makna teras), malah **setia** juga dimanifestasikan dalam pelbagai tafsiran yang dikelaskan dalam makna pinggiran, iaitu tahap, ukuran, nilai, perbuatan dan juga unsur penerang kepada metafora.

Pemahaman makna **setia** juga dapat dikembangkan melalui skema imej. Skema imej ialah pemerihalan semula pengalaman persepsi bagi tujuan memetakan struktur ruang ke atas struktur konsepsi (Lakoff, 1987). Setiap

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

manusia memiliki pengalaman yang berlainan. Segala bentuk pengalaman, sama ada yang dialami oleh deria pendengaran, rasa, sentuhan, bau atau perasaan, disimpan dalam pemikiran manusia. Imej yang terbentuk dalam minda setiap individu adalah seragam; dan keseragaman imej yang dikongsi bersama membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, semakin banyak pengalaman, semakin banyak imej yang terbentuk. Satu daripada skema imej yang dapat menerangkan hal yang berkaitan dengan konsep makna **setia** ialah skema penghubung (*link*). Berdasarkan contoh-contoh daripada analisis subkorpus akhbar *Berita Harian*, didapati bahawa makna **setia** menuntut perhubungan yang terjalin antara pemberi dengan penerima. Hal ini bermakna, **setia** memerlukan pelaku untuk menzahirkan sifat setia tersebut, dan menuntut sesuatu (sama ada orang, institusi, organisasi, atau negara) untuk dizahirkan perasaan **setia**. Ini menunjukkan SETIA ADALAH PENGHUBUNG yang dapat menghubungkan entiti A (pemberi) dengan entiti B (penerima).



**Rajah 3** Skema imej SETIA ADALAH PENGHUBUNG.


Rajah 3 di atas memperlihatkan bagaimana **setia** dapat dianggap sebagai penghubung di antara pemberi (yang dianggap sebagai pelaku) dengan penerima (sesuatu yang menerima sifat setia). Analisis daripada subkorpus akhbar memperjelas lagi hakikat bahawa SETIA ADALAH PENGHUBUNG berdasarkan contoh-contoh yang empirikal.

- i. Kelompok pelampau atau peminat \*\*\*setia\*\*\* kelab itu, kemudian ... BHJ898.
- ii. Kepada penyokong \*\*\*setia\*\*\* Selangor yang tetap ke stadium, ... BHH871
- iii. ... Pernama berikrar untuk sentiasa \*\*\*setia\*\*\* bersama anda walaupun dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang. BHG876
- iv. Ia memastikan pelanggan terus \*\*\*setia\*\*\* dan terpaut dengan perniagaan kita. BHF817
- v. ... kita adalah warga negara Malaysia yang \*\*\*setia\*\*\* dan mencintai negara ini. BHJ827

**Jadual 3** Analisis skema imej penghubung *Berita Harian*.

Bil	Pemberi	Penghubung	Penerima
i.	pelampau / peminat	SETIA	kelab
ii.	penyokong		Selangor
iii.	Pernama		anda
iv.	pelanggan		(perniagaan) kita
v.	kita (warganegara)		negara (Malaysia)

Pengisian slot-slot kosong berdasarkan pengetahuan sedia ada, pengisian pengetahuan luar, domain peluasan makna manifestasi, dan skema imej berkaitan dengan **setia**, telah dapat membantu mengembangkan dan mengukuhkan pemahaman mengenai makna setia dalam rantau konsepsi. Hal ini sekali gus dapat membentuk konsep ad hoc dan konsep leksikal **setia**. Penjelasan mengenai konsep makna **setia** berdasarkan TH yang distrukturkan dalam rantau konsepsi boleh digambarkan dalam Rajah 4 di bawah:



**Rajah 4** Rantau Konsepsi makna **setia** berdasarkan TH.

## KESIMPULAN

Analisis TH berdasarkan proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik dengan meneliti makna **setia** daripada data korpus akhbar *Berita Harian* telah dapat menghasilkan dapatan yang

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

menarik untuk dibincangkan. Jelasnya, berdasarkan bukti daripada korpus menunjukkan bahawa **setia** bukan sekadar nilai semata-mata, malah lebih daripada itu; **setia** dapat difahami melalui manifestasi peluasan maknanya yang dapat dikategorikan kepada makna teras dan makna pinggiran. Bukti daripada korpus juga menunjukkan bahawa pemahaman makna **setia** berasas TH dapat difahami berdasarkan skema imej SETIA ADALAH PENGHUBUNG yang memberikan gambaran bahawa **setia** menghubungkan dua entiti, iaitu pemberi dan penerima. Kesemua elemen yang dihubungkan dalam rantau konsepsi, telah memenuhi slot-slot kosong, hingga akhirnya, konsep ad hoc dan konsep leksikal makna **setia** dapat difahami dengan lebih jelas, empirikal dan saintifik.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali, 2003. “Kontradiksi Nilai dalam Novel Hikayat Faridah Hanum”. Prosiding Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu: Nilai-nilai peradaban Melayu. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Perguruan Sultan Idris. 12 – 14 Ogos, 2003.
- Ahmad Jaffni H.M. Hassan, “Pendidikan Moral dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Ke Arah Memupuk Seorang Insan Harmonis” dlm. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 12, 1987.
- A. Rahim Abdullah, “Intelektualisme dalam Puisi Melayu” dlm. *Jurnal Akademi Seni Kebangsaan*. Bil. 1, hlm. 129-138, 2005.
- Audit Bureau of Circulations, 2007. *Return of Average Next Circulation of Newspapers and Magazine for the Period of 1st Julai 2006–30th June 2007*. Approved by ABC Board Directors on 18 Oct. 2007, presented on 5th Dec. 2007 in Eastin Hotel, Kuala Lumpur.
- Azhar M. Simin, 1993. *Sintaksis Wacana “Yang” dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Belshaw, C., “The Identification of Values” dlm. *The American Journal of Sociology* 14:6, hlm. 555 – 562, 1959.
- Bennet, T., 1992. “Media, Reality, Signification” dlm. M. Gurevityh (ed.), *Culture, Society, and the Media*. London: Methuen.
- Chandra Muzaffar, 1992. *Pelindung*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Coulson, S., 2001. *Semantic Leaps: Frame-shifting and Conceptual Blending in Meaning Construction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Mat Piah, 2003. “Nilai Budaya Pantun Melayu”. Prosiding Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu: Nilai-nilai Peradaban Melayu. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Perguruan Sultan Idris. 12 – 14 Ogos, 2003.

## HISHAMUDIN ISAM DAN NORSIMAH MAT AWAL

- Hasmidar Hassan, 2006. *Kata Hubung DAN dan TETAPI: Satu Analisis Perbandingan Nahu dan Pragmatik*. Tesis Dr. Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid, 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long, 1988. "Nilai Murni dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM: Pernyataan dan Pelaksanaannya di dalam Bilik Darjah". Kertas kerja Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. 3 – 4 Disember 1988. Dewan Kuliah Utama, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamariah Kamarudin, 2006. Martabat Wanita Melayu Islam dalam Pelestarian dan Pembangunan Peradaban Insan: Satu Analisis Berdasarkan Novel Sudara dan Surat-Surat Perempuan Johor". Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006, anjuran Universiti Malaya. 8 – 9 November 2006.
- Lakoff, G., 1987. *Women, Fire, and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lim Kim Hui, 2003. "*Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*". Tesis Doktor. Falsafah, The Asia-Africa Institute, Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg.
- Lipstein, O.J., 1992. *Is she ok? Psychological Today*. Sept. – Oct. Vol. 20, No. 5.
- Mhd. Amin Arshad, 2001. "Nilai 'Berbudi Bahasa' dalam Ungkapan dan Pantun Melayu" dlm. *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Idris Abdul Rauf al Marbawi, t.th. *Muqtasar Salih al-Tarmizi Bahr Mazi*. Darul al-Fikr: Li at Taba'ah wa ansiar wa Tauriq.
- Nolen, S.B. 1988. Reason for studying motivational orientations and study strategies. *Cognition and Instruction*. 54 (4), 269 – 287.
- Omar Md. Hashim, "Nilai-nilai Melayu dalam Pendidikan" dlm. *Jurnal Peradaban Melayu*. Keluaran 1, hlm. 27 – 53, 2003.
- Othman Puteh, 1996. "Cerpen-cerpen Keris Mas: Satu Tinjauan dari Sisi Nilai Nasionalisme" dlm. Siti Aisah Murad (peny.), *Konsep Nilai dalam Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara: Siri Rukun Negara (dalam Konteks Islam)*, 1985. Kuala Lumpur: Penerbitan Asa Sdn Bhd.
- Pintrich, P.R., & DeGroot, E.V., "Motivational and Self Regulated Learning Components of Classroom Academic Performence" dlm. *Journal of Educational Psychology*, 82:1, hlm. 33 – 40, 1990.
- Rokeach, M., 1970. *Belief, Attitudes and Values*. San Francisco: Jossey Bass.
- Rozaimah Rashidin, 2006. *Rasuah dalam Karya Sastera Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Univesiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Scott, W.A., 1965. *Values and Organizations: A Study of Fraternities and Sor*

## MANIFESTASI NILAI SETIA BERASASKAN TEORI HIBRID

- Orities.* Chicago: Rand McNally.
- Sperber, D., & Wilson, D., 1986a. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D., 1986b. "Inference and Implicature" dlm. T. Charles (eds), *Meaning and Interpretation*, Oxford: Basil Blackwell.
- Tendahl, M. 2006. *A Hybrid Theory of Metaphor: Relevance Theory and Cognitive Linguistics*. PhD Dissertation. University of Dortmund, Germany.
- Yaacob Harun, 2003. "Perkembangan Teknologi dan Perubahan Nilai Kekeluargaan Melayu". Prosiding Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu: Nilai-nilai peradaban Melayu. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Perguruan Sultan Idris. 12 – 14 Ogos, 2003.
- Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, 1981. *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis dari Pelbagai Bidang*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Zakaria Kasa, "Nilai Kerja Pelajar Sekolah Menengah Teknik" dlm. *Jurnal Pendidikan Teknikal* 3:1, hlm. 91 – 100, 2004.
- Zimmermen, B.J. dan Risemberg, R., "Becoming a Self-regulated Writer: A Social Cognitive Perspective" dlm. *Contemporary Educational Psychology* 22, hlm. 73 – 122, 1997.